

Pengaruh faktor jantina dan opsyen guru-guru Bahasa Inggeris terhadap gaya pengajaran

Hasmadi bin Hassan, Zamri bin Basumi

Universiti Malaysia Pahang

hasmadi@ump.edu.my, ijamrie@gmail.com

Universiti Malaysia Pahang

ABSTRAK

Kajian ini yang menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian, adalah bertujuan untuk meneroka secara analitik tentang pengaruh faktor demografi dari aspek jantina dan opsyen guru-guru Bahasa Inggeris di daerah Mersing terhadap penggunaan gaya pengajaran di kalangan mereka. Ini dilakukan dengan mengenal pasti kewujudan perbezaan yang signifikan di antara aspek-aspek demografi tersebut terhadap setiap jenis gaya pengajaran iaitu gaya Pakar, gaya Autoriti Formal, gaya Model Peribadi, gaya Fasilitator dan gaya Delegator. Kajian ini dijalankan untuk meneroka tentang faktor gaya pengajaran guru yang mungkin menjadi salah satu punca terhadap masalah kelemahan pelajar-pelajar dalam subjek Bahasa Inggeris di daerah Mersing. Kajian ini melibatkan seramai 122 orang responden daripada taburan populasi seramai 125 orang guru subjek Bahasa Inggeris di 32 buah sekolah kebangsaan dalam daerah Mersing, Johor. Data yang dikumpulkan melalui soal selidik yang diubahsuai daripada Inventori Gaya Pengajaran Guru Grasha (1996), telah diproses dan dianalisis menggunakan kaedah ujian-t untuk memenuhi objektif kajian dengan menggunakan perisian ‘Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) for Windows’ versi 22.0. Dapatan kajian mendapat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dengan guru perempuan terhadap faktor gaya pengajaran Pakar, Fasilitator dan Delegator sahaja. Manakala dari aspek opsyen guru pula, kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru opsyen dan bukan guru opsyen terhadap faktor gaya pengajaran Model Peribadi sahaja.

KATA KUNCI: Gaya pengajaran, Jantina guru, Opsyen mengajar guru

ABSTRACT

This quantitative study that using questionnaires as its tool is aimed to analytically explore the influence of demographic factors on the aspects of sex and teaching options on the use of teaching styles amongst English Teachers in Mersing, Johor. This was done by identifying the significant differences between the demographic aspects with each teaching style namely Expert style, Formal Authority style, Personal Model style, Facilitator style and Delegator style. This study was carried out to explore the English Teachers' teaching styles which may be one of the causes for the weaknesses of students in English subjects in Mersing. This study involved 122 respondents from a population distribution of 125 English language teachers in 32 sekolah kebangsaan in the district. The data collected through the modified questionnaire from Grasha Teacher's Teaching Style Inventory (1996) was processed and analyzed using the t-test method to fulfill the research objectives using the 'Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) for Windows version 22.0' software. The findings showed that there is a significant difference between male and female teachers on the teaching styles of Experts, Facilitators and Delegators. While from the aspect of teachers' teaching options, this study showed that there was a significant difference between the option and the non-option teachers to the Personal Model's teaching style factor.

KEYWORDS

Teaching style, teacher's sex, teacher's teaching option